

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT  
(SPEAKER, HOUSE OF REPRESENTATIVES)



PARLIMEN MALAYSIA  
KUALA LUMPUR

YPDR. 10/4/5/1 Jld.3 ( 6 )

18hb. November 2020

## KENYATAAN MEDIA

OLEH  
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

### KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI DEWAN RAKYAT KAWASAN P.054 GERIK, PERAK

Adalah dimaklumkan bahawa selaras dengan **Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan**, saya selaku Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah mengemukakan suatu pemberitahuan bertarikh 18 November 2020 kepada Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia bahawa **Yang Berhormat Dato' Hasbullah bin Osman, Ahli Parlimen Gerik, Perak** telah meninggal dunia pada hari **Isnin, 16 November 2020**.

Oleh yang demikian, selaras dengan **Perkara 54 Fasal (1) Perlembagaan Persekutuan**, pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia hendaklah **mengisi kekosongan luar jangka Kerusi Parlimen Kawasan P.054 Gerik, Perak** dalam tempoh 60 hari dari tarikh dipastikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia bahawa ada kekosongan.

Di atas kesempatan ini, bagi pihak Parlimen Malaysia, saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga Allahyarham Yang Berhormat Dato' Hasbullah bin Osman dan mendoakan semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman serta beramal soleh di sisi Allah Subhanahu Wataala.

Sekian, terima kasih.

**DATUK AZHAR AZIZAN HARUN**  
Yang di-Pertua Dewan Rakyat